Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 5, e001530
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1530

Halangan Utama Guru Pendidikan Khas Menjalankan Pengajaran Dalam Talian Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

(Main Barries of Special Education Teachers in Conducting Online Teaching During Movement Control Order (PKP)

Norsariha Binti Cholleng[1], Aliza Binti Alias[2*]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: norsariha.ns@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: eliza@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Aliza Binti Alias
(eliza@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Pengajaran Dalam Talian
Halangan
Guru Pendidikan Khas (GPK)
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

KEYWORDS:
Online Teaching
Barriers
Special Education Teacher (GPK)
Movement Control Order (MCO)

CITATION:
Norsariha Cholleng & Aliza Alias. (2022). Halangan Utama Guru Pendidikan Khas Menjalankan Pengajaran Dalam Talian Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(5), e001530. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1530

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti halangan utama yang dihadapi dalam kalangan Guru Pendidikan Khas (GPK) sepanjang menjalankan pengajaran dalam talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Lahad Datu. Seramai 54 orang GPK yang mengajar di sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi di Lahad Datu telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian iaitu soal selidik telah disebarkan secara atas talian dalam bentuk "Google Form" dan data dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 26.0. Dapatan kajian mendapati halangan utama yang dihadapi oleh guru adalah sikap pelajar ketika mengikuti sesi pembelajaran dalam talian dengan perolehan data sebanyak 37 peratus bersamaan dengan 20 orang guru (37%), diikuti oleh ketiadaan rangkaian telefon sebanyak (33.3%) 18 orang guru. Kesimpulannya pihak yang berkaitan haruslah meneliti halangan yang dihadapi dalam kalangan Guru Pendidikan Khas di Lahad Datu dan mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi agar sistem pendidikan pada masa PKP dapat di ditambah baik selaras dengan konsep pendidikan sepanjang hayat.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the main barriers faced by Special Education Teachers (GPK) in conducting online teaching during the Movement Control Order (MCO) in Lahad Datu District. A total of 54 Special Education Teachers who are teaching Special Education Integration Programme in Lahad Datu were involved in this study. The research instrument which is the questionnaire was distributed online in the form of "Google Form" and the data were analyzed by descriptive statistics using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 26.0. The findings

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

of the study found that the main barriers faced by teachers is the attitude of students when attending online learning sessions with data acquisition of 37 percent equivalent to 20 teachers (37%), followed by the absence of a telephone network (33.3%) 18 teachers. In conclusion, the relevant parties should examine the barriers faced by Special Education Teachers (GPK) in Lahad Datu and find solutions to reduce and solve the problems faced so that the education system during MCO can be improved in line with the concept of lifelong education.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada analisis halangan yang paling utama dalam kalangan Guru Pendidikan Khas di daerah Lahad Datu semasa melaksanakan pengajaran atas talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di samping juga membantu pihak yang berkenaan mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan Guru Pendidikan Khas di Daerah Lahad Datu.

1. Pengenalan

Bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam era revolusi digital semasa, kerana mengalami transformasi digital ke arah andragogi dan pedagogi. Pengajaran dalam talian telah digunakan di kebanyakan negara industri sejak sekian lama kerana dilihat boleh membawa pelbagai kebaikan dan kelebihan. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerajaan Malaysia untuk memerangi penyebaran Covid-19, kaedah pengajaran dalam talian menjadi satu keperluan dengan kebanyakan institusi dan kolej Malaysia awam dan swasta tidak mempunyai pilihan selain menggunakan kaedah pengajaran maya atau dalam talian. Rentetan daripada penularan pandemik Covid-19 telah membuka lembaran dan juga cabaran baharu kepada warga pendidik. Penutupan sekolah dan pusat pengajian bukannya alasan yang menghalang proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun negara mengalami situasi PKP tiada individu yang tercicir dalam mendapatkan pembelajaran oleh itu warga pendidik perlu mengharungi norma baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ekoran daripada peralihan daripada persekitaran fizikal kepada persekitaran secara dalam talian selama tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat pelbagai halangan mahupun cabaran yang dihadapi dalam kalangan guru pendidikan khas bagi merealisasikan aspirasi pendidikan negara yang menekankan kepada pendidikan berterusan walaupun berhadapan dengan PKP, pendidikan harus diteruskan walaupun negara berhadapan dengan pandemik Covid-19.

2. Sorotan Literatur

2.1. Halangan Guru

Menurut Nor Halina, Norlizawati dan Norhafinas (2020) oleh kerana peralihan pembelajaran daripada persekitaran fizikal kepada persekitaran maya, kesediaan guru untuk menggunakan standard PdP yang baharu mestilah dalam keadaan yang baik. Bagi menjamin PdP tetap berjalan dengan lancar, beberapa halangan perlu dilalui. Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Norazah, Supyan dan Afendi (2010) gaya latihan yang paling popular untuk guru adalah bersemuka (45.1%), diikuti oleh campuran (26.5%), sepenuhnya dalam talian (13%), berasaskan CD (7.6%), video yang tersedia (6.3 %). Selain daripada kekangan masa, isu terbesar guru dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengintegrasikan pembelajaran dalam PdP ialah mengimbangi pengajaran dengan tugas sampingan yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Fairuz et al. (2020) mendapati murid masih memilih pembelajaran secara bersemuka. Bagi menangani isu ini, guru digalakkan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar dan menyesuaikan PdP supaya murid tidak bosan dan kekal bermotivasi semasa sesi pengajaran dalam talian mereka. Menurut Siti Balqis dan Muniroh (2020) pula, apabila PKP dilaksanakan, murid yang sudah biasa melakukan aktiviti fizikal terpaksa belajar secara maya selain menghadap komputer setiap hari menyebabkan mereka hilang tumpuan terhadap pembelajaran dalam talian. Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) akan ragu-ragu tentang pembelajaran dalam talian jika PdP tidak menarik.

Di samping itu, PdP secara atas talian memerlukan kerjasama antara dua pihak iaitu guru dan juga murid. Halangan yang bakal dihadapi oleh guru dilihat dari segi penghantaran tugasan. Kajian Faizatul dan Nor (2017) mendapati alasan utama murid apabila PdP atas talian ialah pemilikan komputer yang mempunyai internet. Ini akan menjadi alasan kepada berlakunya kelewatan menghantar tugasan dan sebagainya. Justeru, ia akan menyukarkan guru dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) murid tersebut. Oleh yang demikian, guru perlu memikirkan lternatif lain sekiranya murid menjadikan isu ketiadaan internet dan pemilikan komputer sebagai alasan.

Nor Halina, Norlizawati, dan Norhafinas (2020), mendapati tiga cabaran ataupun halangan utama yang dihadapi oleh guru semasa menjalankan pengajaran dalam talian iaitu sikap pelajar, pengajaran secara dalam talian lebih mencabar berbanding dengan pengajaran secara bersemuka dan akhir sekali murid tidak mempunyai capaian internet ketika mengikuti sesi pengajaran dalam talian. Kecukupan alatan teknologi dan ketersambungan internet yang mencukupi dalam menyediakan pembelajaran dalam talian agar jangkaan kementerian terhadap proses pembelajaran dapat dipenuhi kerana guru yang tinggal di tempat yang jauh kadangkala mengalami masalah sambungan internet. Akibatnya, keadaan pembelajaran yang digunakan oleh guru ditentukan oleh lokasi guru tersebut, contohnya sekiranya guru tersebut berada di kawasan yang mempunyai darjah keter sampaian rendah dan kurang liputan rangkaian telefon akan menyukarkan perlaksanaan PdP. Ini diburukkan lagi dengan keadaan guru khususnya guru pendidikan khas yang dilaporkan kurang berkebolehan dalam menggunakan teknologi maklumat sebagai medium pembelajaran.

Pengalaman dan kemahiran guru dan pelajar dalam menggunakan alatan berasaskan teknologi maklumat sering disebut sebagai halangan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dalam kajian Goliong, Kasin, Johnny dan Yulip (2020) mendapati bahawa guru yang masih kurang mahir menggunakan alatan teknologi dan aplikasi untuk melaksanakan pengajaran sehingga menjejaskan keberkesanan pembelajaran berasaskan teknologi berasaskan internet maya. Untuk menjana PdP yang berjaya dan berkesan, seorang guru harus menyediakan diri dan meningkatkan kepakaran dan kebolehan dalam bidang ICT (Nor Fauziana 2020), melalui penggunaan peralatan elektronik seperti komputer, Microsoft Office, video dan aplikasi dalam talian adalah amat penting (Nur Hazirah & Masayu 2020).

Guru menghadapi kesukaran untuk menilai hasil kerja pelajar mereka. tugas dan latihan guru bergantung pada kesesuaian bahan dan tahap pelajar. Digabungkan dengan teknik pengesahan tugas yang terhad yang melibatkan penggunaan alat seperti telefon bimbit

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan komputer riba. Guru hanya dapat memberikan gred berdasarkan hasil kerja pelajar, bukan berdasarkan ciri penyertaan dan perbincangan, seperti pembelajaran di bilik darjah. Bagi guru pendidikan khas, menilai penggunaan teknik dalam talian ini sangat sukar. Ini kerana penilaian kerja sahaja tidak dapat memberikan gambaran lengkap mengenai tahap pembelajaran pelajar. Terutamanya bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas yang mempunyai tahap pencapaian yang rendah serta memerlukan bimbingan sepenuhnya dalam menyiapkan aktiviti pembelajaran.

Menurut Zalika, Faridah dan Mohamad Johari (2009) salah satu isu yang dialami murid ketika melakukan pembelajaran dalam talian ialah persekitaran pembelajaran yang tidak mesra, yang boleh mengakibatkan pelajar menerima gred yang lemah. Setiap murid berasal dari keluarga yang berbeza. Pelajar dari keadaan keluarga rendah atau sederhana lebih cenderung terdedah kepada persekitaran pembelajaran yang tidak mesra ini. Ini disebabkan oleh ketidakupayaan ibu bapa mereka untuk menyediakan infrastruktur yang baik seperti meja belajar, kipas dan bilik belajar yang berasingan. Kelas dalam talian mengambil masa yang lama untuk disiapkan, satu mata pelajaran mengambil masa sekurang-kurangnya dua jam. Setiap pelajar mesti menghadiri tiga kelas dalam talian dalam satu hari. Apabila kanak-kanak terpaksa berada di hadapan komputer untuk jangka masa yang lama tanpa bergerak atau berjalan dalam kedudukan yang tidak selesa, ia boleh membawa kepada pelbagai masalah kesihatan.

Akhirnya wabak Covid-19 memberi kesan kepada lebih daripada kanak-kanak sahaja. Guru berkongsi kebimbangan ini tentang norma pendidikan baharu pembelajaran dalam talian, yang menggalakkan pelajar melibatkan diri sepenuhnya dalam pelajaran mereka. Guru pula hendaklah menyediakan pengajaran yang sesuai untuk pelajar dan menggunakan teknologi dalam penyampaian pendidikan tersebut. Kajian oleh Suzlina Hilwani dan Jamaludin (2015), teknologi maklumat merupakan faktor pendorong kepada transformasi yang baik yang membolehkan guru mengubah pendekatan PdP mereka. Tidak dinafikan, ini memberi kesan kepada pembelajaran pendidikan khas yang kini berada pada tahap yang rendah. Murid di peringkat itu memerlukan penyeliaan guru yang lengkap, dan pembelajaran dalam talian bukanlah pilihan pembelajaran yang berdaya maju untuk murid berkeperluan pendidikan khas.

2.2. Pengajaran Dalam Talian

Dari aspek pengajaran dalam talian pula, kajian oleh Thulasimani (2014), mendapati pertimbangan yang sewajarnya perlu diberikan untuk era gelombang ketiga iaitu berasaskan teknologi maklumat, di mana teknologi maklumat tidak terhad kepada penggunaan internet dan komputer, tetapi kaedah PdP boleh dipelbagaikan dengan penggunaan medium lain seperti telefon bimbit, pemindahan, telegram, dan lain-lain. Menurut Kathie dan Lynnae (2009), menunjukkan bahawa kandungan pembelajaran, komunikasi, pengujian, dan kemudahan memuat naik atau memuat turun sumber yang berkaitan dengan pembelajaran merupakan empat aspek utama yang mempengaruhi pembelajaran dalam talian. Manual penggunaan, nota atau modul pembelajaran, elemen media yang digunakan, pautan maklumat pembelajaran, pautan kandungan, dan alat interaktif semuanya disertakan dalam bahagian kandungan pembelajaran.

Dapatan kajian oleh Nor Fauziana (2020) mengenai kesan penutupan institusi pendidikan dengan menggunakan medium atas talian untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran adalah lebih daripada 70 peratus individu di Malaysia menggunakan ICT dalam kehidupan seharian mereka melalui penggunaan komputer, telefon bimbit

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan juga internet. Menurut Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) guru juga bersedia dengan nota cetakan sekiranya terdapat dalam kalangan keluarga pelajar yang mempunyai kekangan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Selain itu, Siti Balqis dan Muniroh (2020) meninjau berkaitan kaedah pengajaran guru berdasarkan persediaan pelajar untuk menerima pembelajaran dalam talian semasa PKP. Begitu juga dengan kajian Zaidatun, Jamalludin dan Lim (2006) belum bersedia untuk mengikuti pembelajaran dalam talian.

Secara keseluruhannya, wabak Covid-19 ini telah memberikan kesan kepada sektor pendidikan negara khususnya dari segi perubahan persekitaran fizikal kepada persekitaran maya ataupun secara atas talian yang disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan. Penguatkuasaan PKP telah mengubah keseluruhan cara hidup masyarakat, orang ramai harus menyesuaikan diri dengan norma baharu ini dan beradaptasi dengannya. Untuk menangani isu yang mereka hadapi, semua rakyat mesti merancang lebih awal untuk sebarang aktiviti. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti halangan utama yang dihadapi dalam kalangan Guru Pendidikan Khas Integrasi (GPKI) sepanjang menjalankan pengajaran dalam talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)di Daerah Lahad Datu.

3. Metod Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kuantitatif berbentuk tinjauan ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan dalam bentuk "*Google Form"* ke dalam kumpulan *WhatsApp* Majlis Guru Pendidikan Khas Daerah Lahad Datu (MGPKLD). Ahli dalam kumpulan tersebut adalah seramai 54 orang guru yang mengajar di 11 buah sekolah di Daerah Lahad Datu dan kesemua daripada mereka telah menjawab soal selidik tersebut. Instrumen kajian adalah set soal selidik yang diubah suai daripada model CBAM. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B berkaitan dengan soalan berkaitan keprihatinan diri dari aspek diri dan tugas, dan bahagian C berkaitan dengan halangan yang timbul sepanjang menjalankan pengajaran dalam talian. Data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan program komputer *"Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows Versi 26.0".* Penggunaan analisis deskriptif dalam kajian ini hanya melibatkan peratus dan juga frekuensi.

4. Dapatan Kajian

4.1. Halangan utama menjalankan pengajaran dalam talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Secara keseluruhan berdasarkan daripada Jadual 1, halangan utama yang dihadapi oleh guru adalah daripada sikap pelajar ketika mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian dengan perolehan guru yang memilih halangan ini adalah seramai 20 orang bersamaan dengan 37 peratus. diikuti oleh halangan daripada ketiadaan rangkaian telefon sebanyak 33.3 peratus bersamaan dengan 18 orang guru. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Nor Lailiyah, Yusmaria, Zulkurnain (2021) di mana dalam kajian tersebut telah menjawab persoalan yang pertama berkaitan dengan sikap serta motivasi pelajar ketika mengikuti PdP secara dalam talian adalah sederhana. Walau bagaimanapun sikap pelajar berada pada tahap yang sederhana menurut Siti Nor Lailiyah, Yusmaria, Zulkurnain (2021) lagi pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dalam talian sewaktu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

PKP. Hal ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) apabila guru mahupun pensyarah menggunakan pelbagai aplikasi mahupun medium demi untuk menarik minat pelajar.

Jadual 1: Jenis Halangan yang Dihadapi Ketika Melaksanakan Pengajaran dalam talian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Jenis Halangan	Kekerapan	Peratus (%)
Suasana yang tidak kondusif	7	13.0
Ketiadaan rangkaian Telefon	18	33.3
Kemahiran guru dalam menggunakan teknologi digital	9	16.7
Sikap pelajar ketika mengikuti sesi pdp dalam talian	20	37

Selain daripada itu daripada 54 orang guru seramai 9 orang guru telah memilih halangan utama sepanjang melaksanakan pengajaran dalam talian adalah dari aspek kurangnya kemahiran guru menggunakan teknologi maklumat. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah guru kurang mahir menggunakan peralatan yang berasaskan teknologi seperti komputer, laptop dan juga telefon pintar dan ini akan membawa kepada pengajaran secara maya yang tidak berkesan. Ini selaras dengan kajian Kleiman (2000), yang mendapati masih terdapat tenaga pengajar yang kurang mahir dalam menggunakan teknologi khususnya komputer khususnya yang tinggal di kawasan terpencil. Choo (2005) turut membuat kajian tentang keupayaan ICT dalam kalangan guru pelatih di institut perguruan Sabah dan beliau mendapati kebolehan guru pelatih tersebut masih sederhana. Zahiah dan Abdul Razak (2005) mendapati seorang guru haruslah bersedia untuk meningkatkan kemahiran diri dalam penggunaan teknologi maklumat ini kerana internet hanyalah teknologi yang digunakan untuk mencari maklumat dan juga menambah kemahiran.

Nor Halina, Norlizawati, dan Norhafinas (2020) mendapati min cabaran yang menduduki tempat tiga teratas adalah sikap pelajar iaitu mereka menghantar tugasan pada masa yang ditetapkan, pengajaran secara dalam talian lebih mencabar berbanding dengan pengajaran secara bersemuka dan akhir sekali pelajar tidak mempunyai capaian internet ketika mengikuti sesi pengajaran dalam talian. Hal ini disokong dan dipersetujui oleh Langford (2020) iaitu maklum balas pelajar terhadap penghantaran tugasan yang mungkin di sebabkan oleh isyarat internet yang lemah menyukarkan guru mengajar dalam pelbagai pelantar seperti Zoom. Hal ini membawa kepada masalah video yang terhasil akan tersangkut, bunyi yang pecah dan mempunyai jeda di antara kedua pihak yang mengikuti kelas secara dalam talian. Secara tidak langsung hal ini akan membawa kepada suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak ceria.

Dari aspek persekitaran yang kurang kondusif seramai 7 orang guru pendidikan khas integrasi telah memilih halangan ini sebagai halangan yang paling utama di antara keempat-empat halangan yang diberikan dan ini bererti daripada jumlah keseluruhan sampel seramai 54 orang hanya 13 peratus sahaja memilih halangan ini. Hal ini terjadi atas beberapa faktor, antaranya faktor persekitaran rumah, keluarga yang mempunyai rumah yang selesa pasti tidak akan merasai keadaan yang tidak kondusif. Berlainan pula bagi keluarga yang mempunyai anak yang ramai dan anak-anak tersebut terpaksa berkongsi bilik malahan peranti bagi mengikuti sesi e-pembelajaran. Ini menyebabkan bagi murid yang mengambil peperiksaan besar seperti SPM tidak berasa selesa dengan suasana yang riuh dan ruang belajar yang tidak selesa menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian ketika sesi e-pembelajaran. Hal ini disokong dalam kajian yang dijalankan oleh Mahathir dan Wardatul Hayat (2021) mendapati apabila

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

aspek suasana yang kurang kondusif ini adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh murid ketika mengikuti e-pembelajaran sepanjang tempoh PKP.

Selain itu juga murid akan turut merasa tidak selesa apabila ingin mengambil rakaman video, kawan rumah yang tidak selesa menyebabkan hasil kerja mereka tidak berkualiti. Hal ini telah disokong hasil daripada kajian lalu daripada Yeboah, Dogbey, Yuan dan Smith (2020) mendapati murid berhadapan untuk memperoleh situasi yang kondusif apabila e-pembelajaran di jalankan di rumah. Menurut Fabito, Trillanes dan Sarmiento (2021) mendapati suasana yang kondusif merupakan salah satu pemangkin kejayaan sesuatu pembelajaran.

Akhirnya, wabak COVID-19 memberi kesan kepada lebih daripada kanak-kanak sahaja. Guru berkongsi kebimbangan ini tentang norma pendidikan baharu pembelajaran dalam talian, yang menggalakkan pelajar melibatkan diri sepenuhnya dalam pelajaran mereka. Guru pula hendaklah menyediakan pengajaran yang sesuai untuk pelajar dan menggunakan teknologi dalam penyampaian pendidikan tersebut. Tidak dinafikan, ini memberi kesan kepada pembelajaran pendidikan khas yang kini berada pada tahap yang rendah. Pelajar di peringkat itu memerlukan penyeliaan pengajar yang lengkap, dan pembelajaran dalam talian bukanlah pilihan pembelajaran yang berdaya maju untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas.

5. Kesimpulan

Tidak dinafikan perlaksanaan pengajaran atas talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membawa kepada pelbagai halangan dan cabaran bukan sahaja dalam kalangan guru, begitu juga dalam kalangan ibu bapa serta murid. Oleh kerana berlaku perubahan dalam sistem pendidikan negara iaitu perubahan dari segi persekitaran fizikal kepada persekitaran maya menyebabkan guru mengambil inisiatif bagi menyesuaikan diri untuk melaksanakan pengajaran dalam situasi norma baharu. Rata-rata permasalahan yang dihadapi oleh murid dan pelajar ialah capaian internet dan kekurangan peranti teknologi. Namun begitu terdapat juga guru yang kurang pengetahuan dari segi penggunaan teknologi maklumat. Seiring dengan perkembangan masa, keperluan internet dan sokongan peranti teknologi dilihat sebagai satu elemen yang penting dalam menyokong pendidikan pada masa ini. Pendidikan yang berkualiti dapat dicapai dengan meningkatkan sokongan daripada aspek alat teknologi, capaian internet dan pengubahsuaian kurikulum mengikut situasi semasa. Secara keseluruhannya kerjasama dari semua pihak amat diperlukan bagi menjamin kelangsungan sistem pendidikan di negara kita seterusnya untuk menambah baik sistem pendidikan sedia ada bagi melahirkan murid yang cemerlang serta berkualiti.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Aliza Binti Alias selaku penyelia yang banyak memberikan dorongan dan bimbingan sepanjang tempoh kajian ini berlangsung.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Para penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature*,11, 46-57. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020

Choo, K. H. (2005). *Tahap kemahiran ict dalam kalangan guru pelatih maktab perguruan Sabah dan hubungannya dengan gaya pembelajaran*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan UTM: Tidak diterbitkan.

Fabito, B. S., Trillanes, A. O., & Sarmiento, J. R. (2021). Barriers and challenges of computing students in an online learning environment: Insights from one private university in the Philippines. *International Journal of Computing Sciences Research*, *5*(1), 441-458. https://doi.10.25147/ijcsr.2017.001.1.51

Faizatul Hafilah Abdul Halim & Nor Syahilia Aris (2017). Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*). *Journal of Technical and Vocational Education, 1*(2), 53-63. http://upikpolimas.edu.my/ojs/index.php/JTVE/article/view/66

Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M. & Yulip, N.G. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)1–15. https://www.academia.edu/43147586/Cabaran_Pelaksanaan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Jarak_Jauh_PDPCJJ_Semasa_Perintah_Kawalan_Pergerakan_PKP_ https://www.academia.edu/44924354/CABARAN_PENSYARAH_KOLEJ_KOMUNITI_DALAM_MELAKSANAKAN_PROSES_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_DALAM_TALIAN https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru .

Kathie, G. & Lynnae, R. (2009). *Identifying The Characteristics Of E-Learning Environments Used To Support Large Units*. Proceeding Ascilite Auckland. University Of Western Sydney. https://www.researchgate.net/publication/229019815_Identifying_the_characteristics_of_e-learning_environments_used_to_support_large_units

Kleiman, G. M. (2000). Myths And Realities About Technology In K-12 Schools, Leadership And The New Technologies. http://www.edc.org/LNT/news/Issue14/feature.htm

Langford, M. (2020). Atas talian Teaching in the Time of COVID-19: Academic teachers' experiences in Norway. *Center of Experiental Legal Learning (CELL), 2*(April), 1–35.

Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal Of Media And Information Warfare, 14*(1), 11-20. https://jmiw.uitm.edu.my/images/Journal/Volume14/2.pdf

Mohamed Amin Embi, Norazah Mohd Nordin, Supyan Hussin & Afendi Hamat (2010). *Rumusan Amalan, Trend dan Cabaran Pelaksanaan e-Pembelajaran di IPT Malaysia*. Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

https://www.researchgate.net/publication/282503796_Rumusan_Amalan_Trend_dan_Cabaran_Pelaksanaan_e-Pembelajaran_di_IPT_Malaysia

Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan, 404-410. https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/16675*

Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian suatu keperluan di Malaysia. *Researchgate*. https://www.researchgate.net/publication/342886967

Nor Halina, Norlizawati, & Norhafinas. (2020). Cabaran Pensyarah Kolej Komuniti Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian. *E-Proceedings of The Green Technology & Engineering 2020 Virtual Conference. GREEN'TECH 20.193-202*. Kolej Komuniti Gerik.

Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran Dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 9*, 18–28 https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4534

Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Berita Harian*.

Siti Nor Lailiyah Ibrahim,Yusmaria Mohd Yusoff, & Zulkurnain Hassan. (2021). Covid-19: Sikap, Motivasi dan Halangan Dalam Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) Pelajar Kolej Komuniti Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(4), 77-91. https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/16673

Suzlina Hilwani Baharudin & Jamaludin Badusah. (2015). Tahap penggunaan web 2.0 dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *5* (2), 38-48. https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/96

Thulasimani Munohsamy. 2014. Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan. *Journal IPA*, *7*(23), 219–232. https://www.researchgate.net/profile/Thulasimani-Munohsamy/publication/279197893_Integrasi_Teknologi_Maklumat_dan_Komunikasi_dalam_Pendidikan/links/558ebca408aed6ec4bf51a5c/Integrasi-Teknologi-Maklumat-dan-Komunikasi-dalam-Pendidikan.pdf

Yeboah, K. A., Dogbey, J., Yuan, G., & Smith, P. (2020). Cultural Diversity in Online Education: An Exploration of Instructors' Perceptions and Challenges. *Teachers College Record, 122*(7). https://10.1177/016146812012200708

Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2005). *E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zaidatun Tasir, Jamalludin Harun, & Lim, S. Y. (2006). Faktor Penggunaan Komputer Dan Kaitannya Dengan Kesediaan Mengikuti Pembelajaran Dalam Talian Di Kalangan Pelajar Sarjana. *Sains Humanika*, *44*(1). Https://Doi.Org/10.11113/Sh.V44n1.339

Zalika, A., Faridah, K., & Mohamad Johari, S. 2009. Memperkasakan pendidikan luar bandar,3–5. Prosiding "*Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009", 3 – 5 Februari 2009, Hotel Baverly, Kota Kinabalu. Sabah.* Anjuran: Sekolah Pembangunan Dan Pendidikan Sosial, University Malaysia Sabah. http://irep.iium.edu.my/11670/1/Procedng_-_Memperkasakan_Pend_Luar_Bandar.pdf

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).